


SOALAN KBAT SEJARAH

TINGKATAN 5

“Sejarah bukanlah beban ingatan melainkan penerangan jiwa”



NAMA :

KELAS :



(ISI KANDUNGAN)

BAB 1 : KEDAULATAN NEGARA	M/S 3-5
BAB 2 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN	M/S 6-8
BAB 3 : RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN	M/S 10-13
BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN	M/S 14-17
BAB 5 : PEMBENTUKAN MALAYSIA	M/S 17-20
TIPS SKOR A+ SEJARAH	M/S 21

BAB 1 : KEDAULATAN NEGARA

Soalan 1:

Mengapakah kedaulatan adalah elemen penting dalam pentadbiran negara yang berkesan?

(4 M)

- Melaksanakan pentadbiran secara berkesan **tanpa campur tangan kuasa luar**
- Melaksanakan dasar kemakmuran ekonomi **bagi meningkat taraf hidup rakyat**
- Melaksana dasar sosial **untuk kesejahteraan rakyat**
- Mewujudkan hubungan luar yang cemerlang **dengan mengadakan perjanjian / kerjasama dengan negara lain**

*Ayat **Merah** bererti ayat sokongan / huraian

Jelaskan kepentingan kecemerlangan hubungan luar bagi sebuah negara berdaulat.

(8 M)

- Menjalinkan persahabatan dengan negara lain
- Mendapat pengiktirafan daripada negara lain
- Menyertai pertubuhan dunia
- Meningkatkan imej negara
- Mengeratkan semangat kerjasama dengan negara luar
- Mengadakan perjanjian untuk kepentingan bersama
- Memajukan perdagangan antarabangsa
- Membantu negara miskin
- Menikmati pelbagai kemudahan

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha untuk meningkatkan imej Malaysia sebagai negara berdaulat di persada dunia? (**KBAT**)

	ISI	HURAIAN	CONTOH	KESIMPULAN
--	-----	---------	--------	------------

1	Meningkatkan imej negara	dengan mewujudkan pentadbiran yang berintegriti	untuk menghapuskan amalan rasuah	Maka, kedudukan ekonomi negara akan bertambah
2	Bergiat aktif dalam hubungan luar	dengan mengambil bahagian dalam acara-acara antarabangsa	seperti hub pendidikan dunia / makanan halal	demi memperjuangkan kepentingan bersama
3	Mendukung dasar tidak berkecuali	dengan berani demi menyuarakan ketidakadilan dalam pergolakan dunia pada hari ini	seperti isu Palestin / Dasar Aparteid / Isu Antartika	demi mempertahankan hak asasi manusia di arena politik dunia

Soalan 2 :

Pemerintah dan rakyat memainkan peranan penting bagi mempertahankan kedaulatan negara.

(a) Jelaskan usaha-usaha mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi yang dapat dilakukan oleh:

i) Pemerintah (2 M)

- Mewujudkan pemerintahan yang cekap
- Mengelakkan amalan rasuah
- Memastikan agihan sumber kekayaan negara secara adil
- Melaksanakan undang-undang menurut perlembagaan negara

ii) Rakyat (2 M)

- Memberikan kesetiaan kepada Raja dan Negara
- Menyokong usaha dan dasar kerajaan
- Memupuk kerjasama dengan semua kaum
- Mematuhi undang-undang negara

(b) Terangkan kepentingan semangat patriotisme dalam usaha mempertahankan kedaulatan negara (8 M)


- Melahirkan perasaan cinta akan negara
- Memastikan pentadbiran negara dilakukan dengan telus / adil
- Menghapuskan amalan rasuah

- Menjadi bangsa yang bernaung
- Melahirkan rakyat yang setia pada negara
- Menanam semangat sanggup berkorban demi kepentingan negara
- Dasar negara mendapat sokongan rakyat
- Meningkatkan imej diri dan negara
- Sanggup mempertahankan warisan
- Mengelakkan campur tangan / pencerobohan kuasa luar

(c) Sebagai belia yang patriotik, cadangkan langkah-langkah yang dapat dilaksanakan bagi melahirkan generasi muda yang bersemangat patriotik (8 M)

	ISI	HURAIAN	CONTOH	KESIMPULAN
1	Memahami sejarah tanah air	kerana bangga dengan warisan bangsa	seperti Kesultanan Melayu Melaka	bagi mengukuhkan jati diri
2	Menghargai jasa tokoh sejarah / pemimpin	dengan memahami / menghayati pengorbanan mereka	seperti Rentap / Mat Salleh / Tunku Abdul Rahman	dengan mengambil iktibar
3	Mempertahankan kedaulatan / imej negara	dengan mengukuhkan perpaduan melalui pelbagai langkah	Seperti penggunaan bahasa kebangsaan / penghayatan Rukun Negara	Bersifat toleransi

JENIS KEDAULATAN



TRADISIONAL

- Pemerintahan berkuasa mutlak
- Kedulatan Raja-raja Melayu
- Kekuasaan dan kewibawaan raja
- Raja – pemerintah tertinggi
- Diperkukuh taat setia rakyat

MODEN

- Idea kemunculan negara bangsa
- Hak rakyat dan kerajaan berperlembagaan
- Nasionalisme rumpun bangsa dan Bahasa
- Gabungan negeri – PTM dan Malaysia

UNDANG UNDANG

- Terikat dengan undang-undang
- Menjamin keadilan dan kehidupan bermasyarakat
- Badan kehakiman bebas dan beribawa diwujudkan
- Prinsip keempat Rukun Negara

ANTARABANGSA

- Pengiktirafan Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu PBB
- Sesebuah negara tidak boleh dicabuli oleh negara lain
- Deklarasi Hubungan Persahabatan
- Keanggotaan dalam PBB bukti dunia mengiktiraf negara kita bebas dan berdaulat.



BAB 2 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

1. Raja berikut berkaitan dengan sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan.

Majlis Mesyuarat Negeri Perak 1877



Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957

- a) Jelaskan kepentingan Mesyuarat Majlis Negeri Perak 1877 yang dapat dikaitkan dengan penggubalan Perlembagaan Persekutuan (4M)

- Mesyuarat pertama Majlis Negeri Perak yang dipengerusikan oleh Raja Muda Yusuf
- Bertujuan untuk menggubal undang-undang bagi negeri Perak
- Peranan yang sama dimainkan oleh Majlis Negeri di negeri Melayu yang lain
- Menjadi titik tolak kepada pembentukan undang-undang negara

*Ayat **Merah** bererti ayat sokongan / huraian

b) Terangkan proses penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 (8M)

- Penubuhan Suruhanjaya Perlembagaan yang dikenali sebagai Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- Suruhanjaya Reid yang diketuai oleh Lord Reid
- Berasaskan Model Westminster yang berkuatkuasa seurus selepas kemerdekaan
- Menjadi asas kepada perlembagaan negara pada hari ini
- Terdapat lima perkara sebagai **terma rujukan utama** iaitu *Kerajaan Persekutuan yang kukuh, Kedudukan Raja-Raja Melayu, Parlimen hendaklah mengandungi dua Dewan, Kewarganegaraan yang sama, Hak istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum-kaum lain*

c) Huraikan kepentingan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 kepada rakyat Malaysia (8M)

	Isi	Huraian	Contoh	Kesimpulan
1	Menjamin masa depan negara	kerana dapat menentukan hala tuju kerajaan	seperti Kabinet / Majlis Perundangan Persekutuan	Oleh itu, dapat memelihara keselamatan negara
2	Memelihara hak asasi dan kebebasan	Rakyat dapat mengambil bahagian dalam pembentukan kerajaan	seperti proses Pilihan Raya	Maka, kita dapat menjamin pentadbiran yang telus
3	Rakyat bersemangat patriotik	mendapat pengiktirafan dalam Perlembagaan Persekutuan	sekaligus menjadi warganegara	dapat menikmati kemajuan ekonomi dan sosial

SOALAN 2:

Pindaan perlembagaan dibuat bagi menyesuaikan peruntukan dengan keperluan semasa.

a) Terangkan kepentingan Pindaan Perlembagaan 1963 (4M)

- Struktur Mahkamah Atasan diwujudkan. Contohnya, Mahkamah Persekutuan yang fungsinya untuk mendengar persoalan perlembagaan / pertelingkahan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri
- Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo untuk menguruskan soal kehakiman di Sarawak dan Sabah
- Yang di-Pertua Negeri diwujudkan. Mereka dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk mengetuai pemerintahan di Sarawak dan Sabah dan mereka bertugas mengikut nasihat Majlis Tertinggi di Sarawak / Kabinet Negeri di Sabah

b) Mengapakah Pindaan Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1965 perlu diluluskan? (8M)

- Menyelesaikan isu pemisahan Singapura
- Diusulkan oleh Tunku Abdul Rahman selaku Perdana Menteri Malaysia
- Dinamakan pindaan Singapura
- Diluluskan di Parlimen
- Pada 7 Ogos 1965
- Membolehkan Singapura keluar dari Malaysia
- Semua perkara berkaitan dengan Singapura dimansuhkan dalam Perlembagaan Malaysia (pindaan 1965)
- Perkara-perkara yang dipinda adalah Imigresen / Kewangan / Hubungan Luar Negara / Pertahanan

c) Pada pendapat anda, bagaimanakah rakyat Malaysia dapat mempertahankan Perlembagaan negara? (8M)

	Isi	Huraian	Contoh	Huraian Lengkap
1	Memahami sejarah penggubalan perlembagaan negara	demi mempertahankan perkara yang telah digubal	seperti Perkara 152	Oleh itu, rakyat perlu mematuhi undang-undang negara
2	Tidak memperlekehkan perlembagaan negara	dengan memahami peruntukan dalam perlembagaan	seperti hak dan kebebasan rakyat di bawah perlembagaan	dan tidak menimbulkan perkara-perkara yang sensitif seperti 3R (<i>Royalty, Race, Region</i>)
3	Mempertahankan negara daripada pencerobohan kuasa luar	-	seperti peristiwa pencerobohan di Lahad Datu, Sabah	sanggup berkorban untuk mempertahankan kedaulatan negara

BAB 3 : RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

1. Pengamalan demokrasi di negara kita meliputi tiga ciri berikut.

Amalan Pilihan Raya	Kebebasan Asasi	Pembahagian Kuasa
---------------------	-----------------	-------------------


- a) Pelaksanaan pilihan raya menandakan wujudnya demokrasi di negara kita.
Terangkan bagaimana pilihan raya diadakan di negara kita (4M)
- Pilihan Raya diadakan secara konsisten dalam tempoh setiap lima tahun
 - Pelbagai parti politik bertanding untuk mendapatkan mandat untuk membentuk kerajaan
 - Kempen pilihan raya diadakan untuk rakyat mengenali calon dan memahami manifesto parti yang bertanding
 - Rakyat akan mengundi dengan prosedur yang ditetapkan dan setiap undi adalah dirahsiakan
- b) Jelaskan apa yang anda faham tentang kebebasan asasi atau hak asasi berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. (8M)

- Hak seseorang individu di sisi undang-undang yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan
- Kebebasan diri yang mana tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang
- Kebebasan beragama iaitu Islam adalah agama rasmi Persekutuan, tetapi penganut agama lain boleh mengamalkan agama masing-masing secara bebas dan harmoni
- Hak untuk mendapatkan pendidikan yang mana tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara atas alasan agama, ras, keturunan, atau tempat lahir
- Kebebasan untuk bersuara, berhimpun dan berpersatuan selagi mana tidak melanggar undang-undang

c) Bagaimanakah kebebasan asasi dapat dipelihara demi ketenteraman dan kesejahteraan awam? (8M)

	Isi	Huraian	Contoh	Huraian Lengkap
1	Menjadikan prinsip kebebasan asasi sebagai panduan hidup	dengan menghormati pandang orang lain	seperti Perlembagaan Persekutuan	Oleh itu, rakyat perlu bertindak mengikut sisi undang-undang
2	Tidak melakukan kegiatan sabotaj / menimbulkan kekacauan	dan rakyat perlu bekerjasama dengan pihak berkuasa	seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM)	serta tidak melakukan kerja-kerja hasutan
3	Mengutamakan perpaduan kaum / rakyat	dengan bertoleransi antara satu sama lain	seperti hormat-menghormati	dan sentiasa menyedari batasan-batasan kebebasan yang perlu dipatuhi

SOALAN 2:



a) Terangkan bagaimana unsur tradisi dan moden digabungkan dalam pentadbiran negara. (4M)

- Pemerintahan beraja merupakan unsur tradisi dan **warisan sosiopolitik masyarakat Melayu yang mana Raja berfungsi untuk menjaga kedudukan agama Islam, bahasa Melayu dan kedudukan orang Melayu, bumiputera Sarawak dan Sabah serta kepentingan sah kaum lain**
- Unsur moden adalah demokrasi berparlimen yang mana ia adalah **berdasarkan model Westminster di England**

b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan kepentingan kerjasama politik di negara kita? (8M)

- Melibatkan perkongsian kuasa antara kaum yang mana berdasarkan prinsip toleransi bagi mewakili suara setiap kaum
- Permuafakatan parti pelbagai kaum dan ideologi yang mana membolehkan parti-parti politik membentuk kerajaan dan berkongsi kuasa dalam pemerintahan negara
- Pemerintahan **Parti Perikatan** mewujudkan kestabilan sejak Pilihan Raya Umum pertama pada tahun 1955 yang mana mempunyai gabungan parti politik berdasarkan kaum
- Parti Perikatan diperbesarkan menjadi **Barisan Nasional** yang berjaya memenangi 13 kali pilihan raya umum untuk membentuk Kerajaan Persekutuan
- Permuafakatan politik dalam *Pilihan Raya Umum ke-14* pada tahun 2018 yang dilakukan oleh **Pakatan Harapan (PH)** telah berjaya memperoleh mandat daripada rakyat untuk membentuk Kerajaan Persekutuan
- Pada tahun 2020, kerjasama politik telah mewujudkan **Perikatan Nasional (Barisan Nasional, Bersatu dan Pas)** yang menggantikan Pakatan Harapan dalam pemerintahan Negara

c) Huraikan sikap yang perlu ada pada setiap rakyat bagi mewujudkan keharmonian dalam masyarakat. (8M)

	Isi	Huraian	Contoh	Huraian Lengkap
1	Mengamalkan sikap toleransi dalam kehidupan harian	dengan mengeratkan perpaduan dan silaturrahim	seperti hormat-menghormati	agar kesejahteraan masyarakat dan negara dapat dipelihara
2	Sentiasa beramah mesra	dan mengamalkan prinsip dalam Rukun Negara	iaitu prinsip kelima, kesopanan dan kesusilaan	dan tidak melakukan perkara yang melanggar adat resam atau kebiasaan di Malaysia
3	Menguatkan jati diri	dan tidak mementingkan diri	seperti menolong melakukan kerja-kerja amal, derma atau gotong-royong	Kesannya, dapat mengatasi masalah gejala sosial

INSTITUSI YANG DI-PERTUAN AGONG

- ↳ Diwujudkan selepas negara Merdeka
- ↳ Pemilihan dilaksanakan oleh Majlis Raja-raja
- ↳ Turut diperkenalkan jawatan Timbalan Yang Di-Pertuan Agong

KEDUDUKAN YANG DI-PERTUAN AGONG

↳ termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan

↳ Yang di-Pertuan Agong adlh punca kedaulatan, ketepatan, perpaduan, kebesaran & kemuliaan negara.

KeTuMaAan KeDuDuKAn
DALAM PERSEKUTUAN

- ① Yang di-Pertuan Agong
- ② Raja Permaisuri Agong
- ③ Raja & Pemangku Raja
- ④ Yang di-Pertua Negeri
- ⑤ Bekas Raja Permaisuri Agong
- ⑥ Perdana Menteri
- ⑦ Timbalan Perdana Menteri

KUASA YANG DI-PERTUAN AGONG

- Kuasa Eksekutif
 - melantik PM & Jemaah menteri
 - Pelantikan Jawatan Penting
 - Ketenteraan
 - Diplomatik
- Kuasa Perundangan
 - Persidangan parlimen
 - Rfama
 - Hak & keistimewaan
 - Pengisytiharan darurat

- Kuasa Kehakiman
- Kuasa Pengampunan

Yang di-Pertuan Agong & Raja dalam Perlembagaan Persekutuan



• AMALAN PILIHAN RAYA

- elemen penting menandakan wujudnya amalan demokrasi
- diadakan dalam tempoh 5 tahun
- membolehkan rakyat mengenali calon dan memahami manifesto parti yg bertanding



• KEBEBASAN ASASI MENGIKUT PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

• Kebebasan diri

• Hak Berkenaan dgn Pendidikan

• Kebebasan beragama

• Kebebasan bersuara, berhimpun & bersatu

• BADAN PERUNDANGAN

- legislatif
- mensebab undang²
- Kerajaan Persekutuan: Parlimen
- Kerajaan Negeri: Dewan Undangan Negeri (DUN)
- Parlimen ialah Badan Perundangan Teringgi.

• BADAN EKSEKUTIF

- Pelaksana
- melaksanakan kuasa eksekutif ikut Perlembagaan Persekutuan
- Kerajaan Persekutuan - Jemaah Menteri (kabinet)
- Kerajaan Negeri - Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri



• BADAN KEHAKIMAN

- Judisiari
- mentafsir & melaksanakan undang² & pertahankan P.P.
- diketuai oleh Ketua Hakim Negara
- Memastikan sistem kehakiman & keadilan ditegakkan

Amalan demokrasi
\$ Pengasingan kuasa

BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN

SOALAN 1 :

- a) Sejak kemerdekaan, kerajaan telah sedar tentang kepentingan menyediakan perumahan untuk rakyat.
Jelaskan usaha-usaha pembinaan perumahan pada zaman awal kemerdekaan (4M)

- Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri **bekerjasama dalam menyediakan perumahan kos rendah terutama di kawasan bandar**
- Kerajaan Persekutuan menubuhkan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan **untuk menggiatkan usaha menyediakan perumahan kos rendah**
- Kerajaan Negeri menyediakan tanah dan menjual tanah pada harga yang rendah kepada Kerajaan Persekutuan **untuk membina rumah contohnya pembinaan perumahan di Petaling Jaya**

**Merah untuk Huraian

**Biru untuk Contoh

b) Selepas tahun 1970, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah bekerjasama untuk memastikan rakyat memiliki rumah sendiri melalui pelbagai strategi perumahan. Terangkan strategi-strategi perumahan berikut:

i) Perumahan untuk mengatasi masalah kemiskinan (4M)

- Membina rumah untuk rakyat yang berpendapatan rendah
- Kerajaan Persekutuan melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR) pada tahun 1997 **untuk membina perumahan awam di seluruh negara**
- Kerajaan Negeri menubuhkan agensi pembangunan negeri **untuk membina rumah bagi rakyat berpendapatan rendah seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak (PKENP)**
- Kerajaan Negeri juga memperkenalkan program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) **melalui peruntukan kewangan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan**

****Merah** untuk Huraian

****Biru** untuk Contoh

ii) Perumahan Mampu Milik (4M)

- Pada tahun 2014, Majlis Perumahan Negara ditubuhkan untuk merangka strategi menyediakan perumahan mampu milik
- Pelbagai agensi telah ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
- Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri memperkenalkan program khusus untuk membolehkan golongan pertengahan memiliki rumah sendiri seperti Perbadanan Perumahan 1 Malaysia (PR1MA) dan Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah KPKT dan Program Kerajaan Negeri seperti Rumah Selangorku dan Rumah Mampu Milik Johor

c) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang dapat dilaksanakan bagi mengatasi masalah kependudukan yang sesak di kawasan bandar?

	Isi	Huraian	Contoh	Huraian Lengkap
--	-----	---------	--------	-----------------

1	Mengatur strategi perancangan bandar dengan rapi	Dan mengembangkan projek perumahan ke pinggir bandar	seperti Program Perumahan Rakyat (PPR)	Agar taburan kependudukan dapat dirancang
2	Mewujudkan pusat perdagangan di kawasan pinggir bandar	Dengan menggalakkan penubuhan bandar satelit	Seperti bandar Muadzam Shah (Pahang)	Agar dapat mewujudkan sistem pengangkutan dan perhubungan yang efisien menghubungkan bandar dan kawasan sekitarnya
3	Menggalakkan program pembangunan wilayah	Bagi meningkatkan ekonomi negara	Seperti Projek Segitiga Jengka (Pahang)	Bagi meningkatkan taraf hidup rakyat

**** Bandar satelit** bermaksud bandar yang bergantung pada industri tempatan, tetapi ada perkaitan *ekonomi* dan struktur jaringan perhubungan dan pentadbiran dengan sesebuah *bandar raya* yang berhampiran. Bandar satelit biasanya dianggap menyokong bandar raya yang berhampiran itu secara timbal balik atau saling menyokong sesama sendiri.

SOALAN 2 :

Berikut ialah prinsip ketiga Rukun Negara Malaysia:

Keluhuran Perlembagaan

a) Terangkan bagaimana prinsip tersebut mampu mengukuhkan sistem Persekutuan di negara kita (4M)

- Rakyat menjunjung prinsip Keluhuran Perlembagaan
- Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara
- Parlimen dan DUN tidak boleh menggubal undang-undang yang bercanggah antara satu sama lain
- Jika berlaku ketidakselarasan, Perlembagaan Persekutuan menjadi rujukan

- Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan menjelaskan jika undang-undang Negeri tidak selaras dengan undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Persekutuan hendaklah mengatasi undang-undang negeri

b) Huraikan penyelarasan pentadbiran di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri bagi menjamin keberkesanan sistem Persekutuan di negara kita. (8M)

- Penyelarasan melalui Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan dihadiri oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri **bagi membincangkan pelaksanaan dasar yang diputuskan kerajaan**
- Melalui Majlis yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan untuk **menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri**
- Majlis Kewangan Negara yang mentadbir hal ehwal berkaitan dengan kewangan seperti **pemberian pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri**
- Majlis Tanah Negara **berfungsi untuk mentadbir dasar dan mengawal penggunaan tanah untuk kegiatan perhutanan, perlombongan dan pertanian**
- Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan merupakan perundingan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri **untuk membangunkan kerajaan tempatan**
- Penyelarasan melalui majlis-majlis yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi **mewujudkan perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri seperti Majlis Keselamatan Negara , Majlis Air Negara dan Majlis Perumahan Negara**


****Merah** untuk Huraian

****Biru** untuk Contoh

c) Pada pendapat anda, bagaimanakah sistem persekutuan yang diamalkan pada hari ini dapat menjamin kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat Malaysia?

	Isi	Huraian	Contoh	Huraian Lengkap
1	Mewujudkan hubungan erat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri	bagi melengkapi matlamat Kerajaan Persekutuan	seperti di dalam Senarai Bersama	agar tidak berlaku percanggahan kuasa di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri
2	Mewujudkan kerjasama yang erat di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri	Dalam Rancangan Pembangunan yang diusahakan di setiap negeri	seperti pemuliharaan khazanah	agar kemakmuran dan kekayaan negara dikecapi oleh segenap lapisan masyarakat

3	Mewujudkan kerjasama bagi menjamin kedaulatan negara	bagi mengelakkan pencerobohan anasir luar	seperti di Rajang Area Security Command (RASSCOM)	agar keselamatan perairan negara terjamin
---	--	---	---	---



BAB 5 : PEMBENTUKAN MALAYSIA

SOALAN 1 :

Rajah berikut berkaitan dengan langkah ke arah pembentukan Malaysia:

Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)

Suruhanjaya Cobbold

Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)

Pembentukan Malaysia

a) Terangkan tujuan pembentukan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) (4M)

- Meyakinkan penduduk Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia
- Menyediakan ruang perbincangan bagi mendapatkan kata sepakat
- Mengumpulkan pandangan tentang pembentukan Malaysia
- Menyebarkan maklumat berkaitan dengan pembentukan Malaysia
- Memupuk aktiviti mempromosikan / mempercepatkan pembentukan Malaysia

b) Jelaskan peranan berikut dalam Pembentukan Malaysia:

i) Suruhanjaya Cobbold (4M)

- Meninjau reaksi penduduk Sarawak dan Sabah tentang pembentukan Malaysia
- Mengesahkan dua pertiga penduduk Sarawak dan Sabah menyokong pembentukan Malaysia
- Mencadangkan perlembagaan baharu bagi Persekutuan Malaysia
- Mencadangkan kuasa autonomi dan jaminan khas diberi kepada Sarawak dan Sabah

ii) Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) (4M)

- Bertujuan menyediakan rangka perlembagaan Persekutuan Malaysia
- Membentuk keperluan bagi melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah
- Mengusulkan 18 perkara bagi Sarawak
- 20 perkara bagi Sabah untuk dimasukkan ke dalam Perlembagaan Malaysia
- Memperincikan isu perlembagaan

c) Apakah iktibar yang boleh anda peroleh daripada kejayaan dalam pembentukan Malaysia? (8M)

	Isi	Huraian	Contoh	Huraian Lengkap
1	Mewujudkan hubungan erat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri	bagi melengkap matlamat Kerajaan Persekutuan	seperti di dalam Senarai Bersama	agar tidak berlaku percanggahan kuasa di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri
2	Mewujudkan kerjasama yang erat di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri	Dalam Rancangan Pembangunan yang diusahakan di setiap negeri	seperti pemuliharaan khazanah	agar kemakmuran dan kekayaan negara dikecapi oleh segenap lapisan masyarakat

3	Mewujudkan kerjasama bagi menjamin kedaulatan negara	bagi mengelakkan pencerobohan anasir luar	seperti di Rajang Area Security Command (RASSCOM)	agar keselamatan perairan negara terjamin
---	--	---	---	---

SOALAN 2 :

Pada 20 Januari 1963, Menteri Luar Indonesia, Dr. Subandrio, mengumumkan dasar konfrontasi untuk menentang Malaysia.

a) Terangkan apa yang dilakukan oleh Indonesia terhadap negara kita dalam konfrontasi (4M)

- Menggunakan slogan “Ganyang Malaysia” yang bermaksud “Hancurkan Malaysia”
- Tentera Indonesia melancarkan serangan gerila di Sarawak pada 16 Januari hingga 27 Mac 1963
- Indonesia mendaratkan tentera dan separa tenteranya di Tebedu, Sarawak pada 12 April 1963
- Pada bulan Julai dan Ogos 1964, Indonesia melancarkan serangan di Johor dan Singapura
- Pada 20 September 1964, 30 orang gerila Indonesia mendarat di Labis, Johor

b) Jelaskan usaha-usaha dan kejayaan negara kita menangani konfrontasi. (8M)

- Tindakan ketenteraan terhadap serangan Indonesia di Tebedu, Sarawak
- Usaha sama anggota keselamatan Malaysia dengan Komando Marin British bagi menjalankan rondaan di sepanjang sungai di Sabah
- Menggunakan pendekatan diplomatik dengan menghantar Tun Dr. Ismail Abdul Rahman untuk membawa isu serangan Indonesia ke Majlis Keselamatan PBB untuk mematahkan propaganda Indonesia
- Mengadakan rundingan iaitu mesyuarat peringkat Menteri Luar di Filipina iaitu Tun Abdul Razak dan Dr. Subandrio bertemu pada 7-11 Jun 1963 untuk mencari penyelesaian
- Pada tahun 1964, rundingan melibatkan dua persidangan peringkat Menteri di Bangkok dan di Tokyo
- Pada bulan September 1965, Malaysia mengadakan rundingan dengan Indonesia untuk menamatkan konfrontasi

- Pada 11 Ogos 1966, Tun Abdul Razak menandatangani perjanjian menamatkan konfrontasi di Jakarta

c) Pada pendapat anda, bagaimanakah kita dapat mengelakkan negara daripada dicerobohi oleh kuasa luar? (8M)

	Isi	Huraian	Contoh	Huraian Lengkap
1	Menguatkan jati diri rakyat	dengan menanam semangat patriotisme dalam kalangan warganegara	contohnya dalam mengeratkan perpaduan	bagi mewujudkan kestabilan negara
2	Menjalinkan hubungan diplomatik yang sihat	dengan mengamalkan dasar tidak memihak dan berkecuali	yang perlu dilakukan oleh Wisma Putra	agar menampakan ketegasan dalam pendirian negara berhubung isu diplomatik
3	Sentiasa peka terhadap perkembangan di luar negara	Dan tidak menimbulkan krisis dengan negara lain	Sentiasa mencari penyelesaian secara rundingan	Maka, dapat mendukung dasar hormat-menghormati antara satu sama lain

TIPS SKOR A+ SEJARAH

Sejarah adalah salah satu subjek yang penting dalam SPM. Ia memberi pelajar pemahaman mengenai perkembangan negara kita dan juga dunia. Namun, bagi sesetengah pelajar, mendapatkan skor yang baik dalam subjek ini boleh menjadi sukar. Oleh itu, dalam karangan ini, kami akan memberikan beberapa tips untuk mendapatkan skor yang cemerlang dalam subjek Sejarah.

Banyakkan Membaca

Pelajar perlu membaca dengan teliti dan memahami selok belok sejarah yang diajar dalam kelas. Ini adalah asas yang penting kerana jika pelajar tidak memahami sejarah yang dipelajari, ia akan sukar bagi mereka untuk menjawab soalan yang dikemukakan dalam peperiksaan.

Ambil Nota

Pelajar juga perlu mengambil nota yang penting dan tidak terlalu banyak mengambil nota yang tidak penting. Ini akan membantu pelajar untuk mengingat apa yang dipelajari dalam kelas dengan lebih mudah.

Membuat latihan

Pelajar perlu banyak berlatih soalan yang serupa dengan soalan yang akan dikemukakan dalam peperiksaan. Ini akan membantu pelajar untuk lebih yakin dan cekap dalam menjawab soalan. Selain itu, pelajar juga perlu membuat ringkasan yang padat mengenai sejarah yang dipelajari. Ini akan membantu pelajar untuk mengingat apa yang dipelajari dalam kelas dengan lebih mudah.

Bertanya kepada guru

Pelajar tidak sepatutnya malu untuk bertanya pada guru jika ada yang tidak dipahami. Guru adalah sumber ilmu yang penting dan mereka boleh membantu pelajar untuk memahami sejarah dengan lebih baik. Selain itu, pelajar juga perlu sentiasa fokus dan tidak mudah terganggu dalam kelas. Ini akan membantu pelajar untuk memahami sejarah dengan lebih baik.